

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 7, 2019 9:49 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Menelusuri Zaman Kegemilangan Turki Uthmaniyyah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

07 MAC 2019 / 30 JAMADILAKHIR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

MENELUSURI ZAMAN KEGEMILANGAN TURKI UTHMANIYYAH



UUM ONLINE: Berpeluang menelusuri tamadun dan zaman kegemilangan Turki Uthmaniyyah menjadi momen terindah buat mahasiswa Pentadbiran Perniagaan, Muhammad Badrul Amin Muhammad Fuat, 21.

"Islam cukup hebat suatu ketika dahulu pada zaman Sultan Ahmet yang berjaya menawan Kota Istanbul dan melihat dengan lebih dekat tinggalan peperangan terdahulu seperti *Walls Of Constatinople* dan *Galata Tower*.

"Begitu juga perjuangan seorang raja Sultan Al-Fateh tokoh ulung yang terkenal dengan kebijaksanaan dan kehebatan ketika menakluki Kota Istanbul menggunakan strategi luar biasa serta pemilihan tentera berdasarkan tahap keimanan," luahnya.

Ujarnya, bandar Istanbul merupakan pusat pelancongan utama terletak berhampiran laut menghadirkan pemandangan indah yang mengasyikkan termasuk bangunan tinggalan sejarah seperti Hagia Sofia, Topkapi Palace dan Dolmabahce Palace.

Tambahnya, Turki terkenal dengan muzium dan bangunan yang ditinggalkan beribu-ribu tahun lalu seperti Hagia Sofia yang pernah menjadi gereja selama 900 tahun sebelum dijadikan masjid selama 400 tahun.

Terdapat juga masjid besar yang dihiasi sentuhan seni ukiran memukau antaranya Masjid Biru, Masjid Fateh dan Masjid Karakoy selain mempunyai kemudahan awam terbaik seperti tramway, bas, metrobus dan kapal.

Muhammad berkesempatan mengunjungi Cappadocia yang terkenal dengan bukit yang unik yang pernah diduduki orang zaman purba dan merasai suasana di dalam rumah batu selain terkenal dengan belon panas yang menjadi tarikan pelancong.

Tatkala melangkah ke Sabahattin Zaim Universiti mata terpesona melihat tersergamnya bangunan yang berusia ratusan tahun yang menjadi pejabat utama dan mercu tanda universiti ini.

“Semuanya ada di sini dengan kemudahan terbaik yang disediakan untuk para pelajar seperti perpustakaan yang besar, deretan komputer yang banyak, kemudahan sukan seperti stadium mini dan gelanggang yang luas.

Malah penginapan di asrama juga begitu selesa dan canggih dilengkapi perabot, gymnasium, cafe, ruang belajar berkomputer dan surau.

“Sebagai pelajar di Turki, saya perlu bertutur dalam Bahasa Turki kerana kebanyakan penduduk tidak boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris jadi saya mempelajari bahasa yang cukup indah.

Namun Muhammad tetap berdepan cabaran untuk mempelajari bahasa itu apabila setiap abjad dan sebutan berlainan daripada Bahasa Melayu.

“Bila menguasai bahasa ini saya dapat berkomunikasi dengan lebih mudah dan mesra dengan masyarakat sekeliling yang membuatkan saya rasa seperti orang tempatan.

“Selain itu saya juga dapat belajar tentang budaya masyarakat yang unik dan berlainan daripada Malaysia seperti mereka suka memberi salam kepada sesiapa sahaja walaupun tidak kenal,” luahnya.

Penerimaan masyarakat Turki terhadap para pelancong sangat baik terutamanya yang datang dari Malaysia kerana rata-ratanya beragama Islam dan pada mereka orang Malaysia kaya dengan adat yang penuh sopan-santun.

“Orang Turki merupakan masyarakat yang peramah, suka bertegur sapa, akhlak luhur dan baik hati mereka pasti memberi layanan mesra membuatkan kita rasa macam keluarga sendiri.

“Mereka selalu tolong saya ketika menggunakan kenderaan awam kerana mereka suka orang Malaysia dan jika saya ke kedai atau sekitar universiti, mereka menyediakan teh tradisional sebagai tanda selamat datang,” kongsinya.

Menurutnya, kembara ini memberi banyak manfaat dalam mematangkan diri dan merasai bagaimana hidup sebagai seorang pelajar asing di negara yang berbeza bangsa, bahasa dan budaya.

Muhammad mengakui sepanjang berada di sini beliau menimba perkara baharu yang mengajarnya lebih berdikari, pandai membawa diri, berani dan berkeyakinan untuk menjalani kehidupan di luar negara yang berbeza paras rupa, warna kulit dan budaya.

“Program ini juga membuka mata saya, belajar berdikari apabila jauh daripada keluarga dengan melakukan semua perkara dengan sendiri tanpa bantuan orang lain di samping melonjak keinginan untuk menyambung menyambung master ke luar negara,” tambahnya.

Bagi pelajar yang berminat menyertai program mobiliti ini, sertai *roadshow mobility* untuk mendapat informasi lanjut seterusnya menghantar resume kepada pusat pengajian masing-masing sekiranya layak akan dihubungi Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.